



**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (Company No. 902884V)  
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT").

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)
<b>REQUEST FOR PROPOSAL TO OPERATE AND MAINTAIN THE MULTI STOREY PARK &amp; RIDE (MSPR) AND AT-GRADE PARKING (AGP) FOR SOUTHERN MRT PUTRAJAYA LINE</b>  (RFP NO: RFP/PD/Q08-2022)	Memiliki sijil pendaftaran dengan:  Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221510 (Tempat Letak Kereta);  DAN  Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<b>Tarikh</b> : Isnin, 8 Ogos 2022 <b>Masa</b> : 11.00 pagi <b>Via</b> : Aplikasi Zoom (Dalam Talian)  Untuk menyertai Taklimat RFP, semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:- 1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ; 2. <a href="https://forms.gle/iipNbtzYXRkBDqpDA">https://forms.gle/iipNbtzYXRkBDqpDA</a> ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  Pra-pendaftaran akan bermula pada <b>Khamis, 21 Julai 2021 sehingga 4 Ogos 2022</b> . Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.

Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran:



Dokumen RFP akan diberikan kepada syarikat yang menyertai (tanpa bayaran) sesi taklimat melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Peserta dikehendaki menyerahkan Dokumen RFP yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFP.

**Nota:**

- Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
- Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Pembida **WAJIB** menyertai sesi taklimat RFP secara dalam talian pada Tarikh dan masa seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Dokumen RFP hanya akan diberikan melalui email kepada Pembida yang telah menyertai sesi taklimat RFP sahaja. MRT Corp TIDAK AKAN melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFP sebelum dan / atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** bagi mengesahkan kelayakan Pembida seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen RFP. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my).